

# AMALAN SUNNAH KETIKA BERADA DALAM MASJID

**Hidupkan Sunnah**

## AMALAN SUNNAH KETIKA BERADA DI DALAM MASJID



**niat iktikaf**  
"Dan telah Kami perintahkan kepada Ibrahim dan Ismail: "Bersihkanlah rumah-Ku untuk orang-orang yang tawaf, yang iktikaf, yang rukuk dan yang sujud."  
(Surah al-Baqarah: 125)



**solat sunat**  
Daripada Abu Qatadah Al-Ansari RA, Rasulullah SAW bersabda: "Apabila salah seorang dari kamu masuk ke dalam masjid, maka janganlah dia duduk sehingga dia selesai solat dua rakaat"  
(Riwayat al-Bukhari 1167)



**duduk menghadap kiblat**  
Al-Hafidz Ibn Hajar: "Diantara hikmahnya adalah memberi tanda kepada orang yang baru masuk (ke masjid) bahwa solat telah selesai, kerana jika imam tetap duduk menghadap kiblat, nescaya orang akan menganggap bahawa ia masih tasahud."  
(Fathul Bari 3/89)



**berzikir dan berselawat**  
"Berzikirlah (ingattlah) kamu kepada-Ku, nescaya Aku akan ingat pula padamu."  
(Surah al-Baqarah: 152)



**tidak melakukan perkara tidak berfaedah**  
Daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW telah bersabda: "Diantara keelakan Islam seseorang ialah dia meninggalkan sesuatu tidak berkaitan dengannya"  
(Riwayat Tirmidzi)

  alimanmosque

Hidupkan Sunnah merupakan sebuah projek yang dihasilkan bagi tujuan untuk menghidupkan semula sunnah-sunnah Nabi Muhammad SAW dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian kita.

Imam Ibnu Qudamah rahimahullah berkata, “Setelah solat dua rakaat hendaknya orang yang solat untuk duduk menghadap kiblat dengan menyibukkan diri berzikir kepada Allah, berdoa, membaca Alquran, atau diam dan janganlah ia membicarakan masalah duniawi belaka”

Ini merupakan beberapa amalan sunnah yang boleh dilakukan ketika kita berada di dalam Masjid.

Jika tidak mampu untuk melaksanakan kesemuanya, buatlah amalan yang paling mudah iaitu niat iktikaf semasa berada di kawasan iktikaf, duduk menghadap kiblat, berzikir dan juga tidak melakukan perkara yang tidak berfaedah. Mudah-mudahan diri ini dapat menjadi yang lebih baik dari semalam. InsyaAllah.

KREDIT:ALIMANMOSQUE